




AL-HUDA

الهدى


<http://mufti.penang.gov.my>

 [jabatan mufti negeri pulau pinang](#)

BULETIN JMNPP
Siri 1/2016. Naskah Percuma



Tokoh : Allahyarham Datuk
Haji Adnan Bin Haji Hashim



Wacana Ilmiah : Kaedah Umum
Al-Balwa Dan Kesannya Kepada
Perubahan Hukum Syarak



Al-Quran / Falak :
Antara Dua Fajar



(5°08'56.5"N 100°25'13.4"E)

Pena Editor

Segala puji dan syukur dipanjat kehadrat Ilahi di atas nikmat yang dikurniakan, malah yang lebih utama adalah nikmat iman dan Islam yang menjadi jurang perbezaan antara orang muslim dengan bukan muslim. Menemui sidang pembaca untuk kali ini adalah topik fiqh semasa yang berkaitan dengan istilah "istihalah," "istihalak" dan sebagainya. Konsep ini amat wajar difahami serta dimaklumi oleh masyarakat memandangkan ianya mempunyai kaitan dengan hukum fiqh dan kehidupan seharian. Malah ianya turut dibincangkan oleh para ilmuwan Islam bagi mendapatkan solusi berkenaan dengan perihal ini yang kadangkalanya menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai. Justeru, pakar dalam bidang agama serta bidang sains bergabung dalam mengkaji, menekuni dan membahaskan isu ini untuk diperincikan dalam kaca mata Islam.

Di sebalik konsep "istihalah," yang difokuskan pada keluaran kali ini, sidang redaksi juga ingin menarik perhatian pembaca mengenai beberapa isu yang membabitkan agama Islam yang berlaku di sepanjang separuh tahun 2016. Antaranya isu, kehadiran tokoh pendakwah terkenal dari India iaitu Dr. Zakir Naik yang telah mendapat maklumbalas yang negatif daripada segelintir masyarakat yang kurang senang dengan metode dakwah yang dibawa. Memetik kata-kata Sahibus Samahah Dato' Mufti Pulau Pinang mengenai isu ini menegaskan bahawa beliau adalah seorang pendakwah yang menggunakan metode yang lembut di dalam ceramahnya dan bukan daripada kategori yang suka menyerang agama-agama lain dengan mencerca dan memaki hamun. Sebaliknya beliau berdakwah berdasarkan fakta-fakta ilmiah dan hujah-hujah yang mengajak para pendengarnya berfikir secara rasional.

Oleh yang demikian, golongan Bukan Islam tidak perlu merasa terancam

dengan kehadiran pendakwah antarabangsa ini, sebaliknya elok menghadiri program-program ceramah beliau serta berdialog dengan beliau secara tenang dan bersopan. Perlembagaan Malaysia memberi kebebasan kepada setiap rakyat negara ini mengamalkan agama masing-masing walaupun Islam dijadikan Agama Persekutuan. Kita terlalu berlebih-lebihan dalam memahami sensitiviti agama sehingga menghalang kita daripada mengambil tahu agama-agama selain daripada yang kita sendiri anutnya. Padahal dengan memahami agama-agama lain dapat membantu kita hidup dalam suasana harmoni dan bertolak ansur dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Memahami agama lain tidak semestinya seseorang perlu menukar agamanya.

Tiada siapapun boleh memaksa seseorang memeluk agama yang tidak disukainya, kerana pegangan agama adalah masalah keyakinan hati seseorang. Tiada keuntungan bagi umat Islam jika orang lain menerima agama mereka secara terpaksa. Malah masyarakat majmuk perlu membina hubungan yang baik dan harmoni antara pelbagai kaum negara ini agar ianya akan menjadi aspek penting dalam menyumbang kepada keamanan dan kesejahteraan negara ini. Terungkap satu kata-kata "keamanan adalah satu nilai yang amat berharga, ianya tidak boleh dibeli dengan wang ringgit, dengan keamanan, rakyat bebas mencorakkan kehidupan, merancang masa hadapan, sekiranya ianya telah luput, seperti berlaku di negara-negara yang sedang bergolak, maka saat itulah kita akan sedar, betapa berharganya sebuah nilai keamanan". Moga paparan isu, ilmu dan informasi yang dibawa oleh sidang redaksi dalam Buletin Al-Huda pada kali ini memberi manfaat kepada para pembaca.

Sidang Redaksi

KETUA EDITOR

S.S Dato' Dr. Wan Salim Bin
Wan Mohd Noor

TIMBALAN KETUA EDITOR

S.F Tuan Haji Mamat
Bin Said

EDITOR

Encik Mohd Jais Anuar Bin Ahmad

SIDANG PENOLONG EDITOR

Encik Mohd Rizuan Bin Idrus
Encik Ahmad Yusof Farid Bin Abdullah
Fairus Ain Binti Abdul Aziz
Encik Mohd Ferdaus Bin Hashim

REKABENTUK

Cik Siti Asmah Binti Abdul Manap



MASJID JAMEK SUNGAI ACHEH

Pada 22 Ogos 2014, satu Majlis Perasmian Masjid Jamek Sungai Aceh, Nibong Tebal, Pulau Pinang telah diadakan di perkarangan Masjid Jamek Sungai Aceh. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Turut hadir ialah Y.Bhg. Dato' Zainal Abidin bin Osman, Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (MTPNG), Y.Bhg. Dato' Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Y.Brs. Tuan Syed Shaari bin Syed Abdullah, Pegawai Kemajuan Negeri (PKN) Pulau Pinang, pegawai-pegawai dari Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang (PPPPP), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Jabatan Mufti Pulau Pinang serta anak Qaryah Masjid Jamek Sungai Aceh.

Projek ini melan belanja sebanyak lebih kurang RM5.5 juta di mana RM 4.0 juta merupakan peruntukan Kerajaan Persekutuan manakala RM 1.5 juta dibiayai oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). Projek ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Seksyen Teknikal, PPPPP. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 22 bulan bermula pada 24 April 2012 dan siap sepenuhnya pada 20 Februari 2014. Masjid yang serba indah ini mampu memuatkan kira-kira 1,300 orang jemaah pada satu-satu masa dan kini menjadi ikon baru serta menjadi pusat tarikan baru di Sungai Aceh dan di Nibong Tebal.

Adalah diharapkan juga dengan pembinaan masjid baru ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli qaryah serta masyarakat sekitar dengan aktiviti pengimarahannya yang berterusan di samping menjadi pusat perpaduan umat Islam di sekitar Nibong Tebal.

Kandungan

Pena Editor	ms 01
Bicara Mufti	ms 02
Istilah Hukum	ms 03
Ruangan Fokus	ms 04
Berita Jabatan	ms 06
Fatwa Pilihan	ms 08
Lensa Al-Huda	ms 09

Warta Kerajaan	ms 11
Wacana Ilmiah	ms 13
Ruangan Tokoh	ms 15
Al-Quran / Falak	ms 16
Kemusyikilan Agama	ms 18
Ruangan Pentadbiran	ms 19

BICARA MUFTI

Agama Islam adalah agama yang syumul dan sempurna sepertimana firman Allah SWT dalam surah **Ali-Imran** ayat 19, yang bermaksud: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam." Petikan ini telah memberi isyarat bahawa, tiada agama selain daripada agama Islam yang diterima oleh Allah SWT. Malah, pernyataan ini disokong dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi darinya." Justeru itu, kemuliaan Islam ini meletakkan seseorang hamba Allah SWT itu tinggi di sisi-Nya, malah yang lebih tinggi kedudukannya di sisi Allah SWT iaitu hamba yang paling bertakwa kepada-Nya.

Merujuk kepada ayat al-Quran yang lalu, sesungguhnya Allah SWT telah mempromosikan agama Islam, malah ianya tidak boleh dipertikaikan lagi, kerana pengakuan ini bukannya dari siapa-siapa melainkan daripada Allah sendiri.

"Kesyumulan agama Islam sebagai agama yang lengkap ini, perlu dipromosikan kepada seluruh masyarakat di dunia. Usah malu untuk menzahirkan kehebatan Islam dari pelbagai sudut kehidupan seharian. Bahkan, umat Islam tidak perlu takut untuk berdakwah untuk menyatakan ajaran, kebenaran, kelebihan dan keistimewaan agama Islam sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW pada satu ketika dahulu".

Situasi ini dirakamkan dalam lipatan sejarah yang menyaksikan, bagaimana usaha Rasulullah SAW para sahabat dan tabiin mempromosikan Islam sehinggakan agama Islam tertegak megah meliputi pelusuk dunia ini.

Istilah promosi ini juga dikaitkan dengan unsur-unsur dakwah kepada *non-muslim*. Pendekatan atau metode dakwah yang hendak dipraktikkan, perlulah bersesuaian dengan suasana masyarakat pada ketika ini. Pendekatan melalui sirih perbahasan dan ceramah boleh diterapkan. Sebagai contoh, pendakwah terkenal India iaitu Dr. Zakir Naik yang telah mencetuskan polemik dalam negara satu ketika dahulu di Malaysia dengan menggunakan kebolehan

berbahas dalam menerangkan agama Islam kepada orang Islam mahupun *non-muslim*, namun yang wajar ditekankan pada masa kini ialah pendekatan melalui perbuatan yakni keluhuran akhlak setiap muslim yang wajar dipertontonkan bagi melambangkan ketinggian keperibadian agama Islam.

Di dalam kita berdakwah, kita perlu tidak bersikap prejudis terhadap agama lain bagi memastikan keharmonian di antara agama dan kaum di negeri ini terus berkekalan. Orang Muslim perlu menghormati antara satu sama lain kerana perbezaan agama itu adalah perkara biasa. Seperti manusia, kita dicipta dengan kulit, muka dan bentuk fizikal yang berbeza-beza. Sama juga dalam beragama. Toleransi perlu ada. Sebagai umat Islam, kita perlu mengamalkan perpaduan dalam kepelbagaian agama, jangan bersangka buruk.



ISTIHALAH استحالة

Istihalah ialah perubahan atau bertukar-tukar sendiri benda yang najis atau perubahan melalui sesuatu. Perubahan yang terjadi melalui tindak balas kimia ataupun proses pembakaran bahan tersebut. Proses pembakaran ini dilakukan pada suhu melebihi 120°C bagi menghapuskan bakteria atau virus, serta mengeringkan ia ke tahap 88 peratus hingga 90 peratus daripada keseluruhannya. Teori *istihalah* mengandungi tiga elemen utama, iaitu bahan asal, agen perubah, dan bahan akhir. Bahan asal akan mengalami perubahan, sama ada melalui proses semula jadi ataupun proses tertentu yang lain. Perubahan semula jadi, contohnya perubahan arak menjadi cuka. Manakala proses yang lain seperti samak, iaitu menghilangkan najis pada kulit haiwan najis. Akhirnya proses pembakaran, contohnya bakar najis sehingga menjadi debu. (Sumber : Dirasat Fiqhiali fi Qadaya Tibbiyyah Muasirah.' 444)

Selain itu, terdapat contoh-contoh yang lain seperti darah kijang bertukar menjadi minyak kasturi, arak berubah menjadi cuka dengan sendirinya atau melalui sesuatu; seperti bangkai berubah menjadi garam atau anjing yang terjatuh ke dalam tempat garam, tahi bintang yang menjadi abu kerana terbakar; minyak yang terkena najis kemudian dijadikan sabun; seperti tanah pembuangan sampah apabila kering dan hilang bekasnya, dan seperti najis yang ditanam di dalam tanah dan bekasnya sudah hilang kerana masa yang lama. Ini berdasarkan kepada Imam Muhammad Al-Hasan yang berlawanan dengan pendapat Abu Yusuf. Ini kerana sesuatu najis apabila berubah sifatnya, maka dia tidak menjadi najis lagi, kerana najis ialah nama bagi sesuatu zat yang bersifat tertentu. Oleh sebab itu, ia akan hilang dengan hilangnya sifat itu. Jadi, hukumnya sama seperti arak yang berubah menjadi cuka. Hukum arak ini disepakati oleh semua mazhab.

Arak dan juga tempatnya menjadi suci apabila ia berubah menjadi cuka, baik perubahan itu terjadi sendiri ataupun kerana tempatnya dipindah dari tempat yang teduh ke tempat yang bercahaya atau sebaliknya, menurut ulama selain Mazhab Hanafi. Alasannya adalah kerana najisnya arak yang disebabkan oleh sifat mabuk yang sangat kuat telah hilang, sehingga ia tidak meninggalkan najis. Menurut ulama Mazhab Maliki, arak menjadi suci jika berubah menjadi cuka. Tetapi menurut ulama Mazhab Syafie dan Hambali, arak tidak menjadi suci jika proses menjadi cuka itu melalui pemprosesan seperti memasukkan bawang ke dalam roti panas. Kerana, bahan yang dimasukkan ke dalam arak itu menjadi *mutanajjis* ketika ia terkena arak, dan selain bahan itu, semuanya najis. Oleh sebab itu, sesuatu yang najis tidak akan menjadi suci disebabkan berubah sifatnya atau sebab api. Oleh

sebab itu, abu tahi najis yang dibakar tetaplah najis, sabun yang dibuat dari minyak yang najis tetap najis, asap dan abu yang najis tetap najis. Demikian juga wap dari air najis yang terkena sesuatu tempat najis. Tanah yang bercampur dengan tahi keldai atau bighal dan binatang-binatang yang tidak boleh dimakan dagingnya adalah najis, meskipun dibakar.

Jika seekor anjing jatuh ke dalam tempat pembuatan garam, lalu ia menjadi garam atau jatuh ke dalam tempat membuat sabun, maka ia tetap najis. Tetapi menurut pendapat yang mahsyur di kalangan ulama Maliki, mereka mengecualikan abu dan asap najis. Mereka mengatakan bahawa ia adalah suci. Ia adalah menurut pendapat yang muktamad. Dalam kes arak menjadi cuka namun akibat memindahkan dari satu tempat ke tempat lain, maka ulama Mazhab Hambali mensyaratkan bahawa pemindahan itu bukan diniatkan untuk menjadikannya cuka. Jika pemindahannya bertujuan demikian, maka ia tidak boleh suci. Kerana menurut hukum, menjadikan arak sebagai cuka adalah haram. Oleh sebab itu, ia tidak menyebabkan munculnya *thaharah* (suci).

Mazhab Syafie menyatakan bahawa tidak ada barang najis yang dapat menjadi suci disebabkan oleh perubahan sifatnya kecuali 3 jenis :-

- Arak dan juga tempatnya apabila berubah menjadi cuka dengan sendirinya.
- Kulit, selain kulit anjing dan babi, yang najis kerana bangkai, kemudian menjadi suci lahir batinnya setelah disamak.
- Sesuatu yang berubah menjadi binatang; seperti bangkai apabila menjadi ulat, kerana terjadi kehidupan baru.
- Lemak najis yang dijadikan sabun.
- Tanah parit (yang mengalirkan benda najis) yang sudah kering dan hilang kesan najisnya.
- Najis yang ditanam di dalam tanah dan sudah hilang kesan najisnya selepas beberapa lama.

(Sumber: Fiqhul Islami wa Adillatuhu: 1/100)

ISTIHALAK استهلاك

Definisi daripada sudut bahasa ialah penggunaan. Manakala definisi daripada sudut istilah ialah percampuran yang berlaku antara bahan suci dalam kuantiti yang banyak dengan bahan najis yang sedikit, tanpa disengajakan oleh pelakunya. Kemudian, bahan najis yang sedikit itu terurai dan hancur sepenuhnya di dalam bahan yang suci tanpa wujud lagi zat dan hilang sifat asalnya. Contohnya, bangkai binatang najis yang terjatuh ke dalam garam yang banyak sehingga ia bertukar menjadi garam.

(Sumber: Athar al-Mustajaddat al-Tibbiyyah fi bab Taharah.' 222)

Pengenalan Kulit & Bulu Babi

Babi adalah **haiwan yang diharamkan** kepada umat Islam kerana ia adalah **najis mughalazzah** (berat) dan merupakan vektor penyebaran pelbagai penyakit kepada manusia.

Oleh yang demikian, **umat Islam haruslah berhati-hati** memilih produk kegunaan seharian khususnya barangan yang diperbuat daripada kulit.

Kelebihan Membaca al-Qur'an

Daripada Abu Umamah r.a katanya, aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Hendaklah kamu semua membaca al-Quran, sesungguhnya al-Quran itu akan datang pada hari kiamat memberi syafaat kepada orang yang membaca dan beramal dengan hukum-hakamnya."

KONSEP, KAEDAH, JENIS, DAN APLIKASI ISTIHALAH DALAM KEHIDUPAN

“Disunting dari buku = Q & A Fiqh Perubatan Dr. Rafiqi Muhamad Hehsan”

KONSEP ISTIHALAH

- Perubahan yang terjadi melalui tindak balas kimia ataupun proses pembakaran bahan tersebut.
- Proses pembakaran ini dilakukan pada suhu melebihi 120oC bagi menghapuskan bakteria atau virus, serta mengeringkan ia ke tahap 88 peratus hingga 90 peratus daripada keseluruhannya.

Teori *istihalah* mengandungi tiga elemen utama, iaitu bahan asal, agen perubah, dan bahan akhir. Bahan asal akan mengalami perubahan, sama ada melalui proses semula jadi ataupun proses tertentu yang lain.

KAEDAH ISTIHALAH

- Perubahan semula jadi, contohnya perubahan arak menjadi cuka.
- Samak, iaitu menghilangkan najis pada kulit haiwan najis.
- Pembakaran; contohnya bakar najis sehingga menjadi debu.

(Sumber: Dirasat Fiqhial fi Qadaya Tibbiyyah Muasirah.' 444)

JENIS ISTIHALAH

1. *Istihalah sahifah (Perubahan diterima)*

Perubahan yang diterima dalam kalangan ulama. Perubahan ini melibatkan perubahan daripada satu bahan kepada bahan yang lain, sama ada melalui agen semula jadi ataupun tidak, yang mana bahan akhir yang terbentuk adalah halal.

Aplikasi *istihalah sahifah* terhadap produk makanan bersumberkan enzim *transglutaminase recombinant*

SAMPEL	MODEL	STRUKTUR	
Penggunaan enzim <i>transglutaminase</i> berasaskan teknologi recombinant	<i>Istihalah sahifah</i> H1 + H1 = H1	Bahan asal	Doh untuk penyediaan produk makanan
		Agen perubahan	enzim <i>transglutaminase recombinant</i>
		Bahan akhir	Bebola ikan yang kenyal dan kental

2. *Istihalah fasidah (perubahan rosak)*

Proses ini melibatkan perubahan daripada satu bahan yang halal kepada bahan baru yang haram melalui agen perubahan yang halal ataupun haram. Selepas mengalami proses tersebut, bahan akhir yang terjadi dikategorikan sebagai haram. Namun dalam kes-kes tertentu, bahan akhir tersebut berkemungkinan boleh menjadi halal kembali.

Aplikasi *istihalah fasidah* terhadap penggunaan enzim *transglutaminase* dan serbuk plasma bersumberkan darah.

SAMPEL	MODEL	STRUKTUR	
Penggunaan enzim <i>transglutaminase</i> daripada darah haiwan	<i>Istihalah fasidah</i> H1 + H1 = H2	Bahan asal	Doh penyediaan makanan
		Agen perubahan	enzim <i>transglutaminase</i> berasaskan darah haiwan
		Bahan akhir	Yogurt serta keju yang berkualiti
Serbuk plasma bersumberkan darah dalam pelbagai jenis makanan seperti burger, sosej, bebola ikan dan yogurt	<i>Istihalah fasidah</i> H1 + H1 = H2	Bahan asal	Doh penyediaan makanan
		Agen perubahan	Serbuk plasma darah
		Bahan akhir	Produk makanan yang lebih baik

CONTOH APLIKASI ISTIHALAH SEMASA NADWAH PENGURUSAN ISLAM DALAM ILMU PERUBATAN KE-8 DI KUWAIT, MEI 1995

- Gelatin yang terbentuk daripada tulang binatang najis, kulit, dan uratnya adalah bersih dan halal dimakan.
- Sabun yang dibuat daripada lemak khinzir ataupun bangkai binatang adalah suci dan harus digunakan.
- Keju yang dihasilkan daripada renin yang didapati daripada bangkai haiwan yang halal dimakan adalah suci dan halal dimakan bahan akhirnya.
- Insulin yang diambil daripada khinzir adalah harus digunakan bagi mengubati penyakit kencing manis kerana darurat.
- Alat-alat solek yang mengandungi lemak khinzir tidak boleh digunakan, kecuali sudah pasti berlaku proses *istihalah* dan berlaku pertukaran 'ain atau zatnya.
- Bahan makanan yang mengandungi lemak khinzir sebagai bahan kandungan adalah tidak berubah zatnya seperti yang terdapat pada sesetengah keju, minyak, mentega, dadih, biskut, coklat, dan ais krim adalah haram dimakan.

(Sumber: Fiqhul Islami wa Adillatuhu.' 9/660-6(52J)

Ciri-Ciri Kulit Babi



1 Mempunyai 3 titik lubang



2 3 titik lubang kedudukannya adalah menyerong



3 3 titik / lubang yang berulang-ulang dan tidak seragam



4 3 titik / lubang yang tidak tersusun, tembus ke belakang dan 'stanting'

HUKUM ISTIHALAH

Para fuqaha bersepakat arak yang berubah menjadi cuka secara semula jadi adalah suci. Selain daripada hal tersebut, para fuqaha berbeza pendapat.

- Pendapat pertama - *Istihalah* menyucikan najis
- Pendapat kedua - *Istihalah* tidak menyucikan.

Pendapat pertama, *Istihalah* menyucikan najis. Ini adalah ijihad Imam Malik, pendapat Abu Hanifah dan Muhammad Al-Hasan, sebahagian ulama Syafie (bukan najis 'aini), Ibnu Taimiah, dan az-Zahiri. Benda-benda yang najis bertukar kepada suatu rupa yang lain secara istihalah adalah suci, seperti najis khinzir yang dibakar kemudian bertukar menjadi debu; hukumnya suci.

Ibnu Rusyd menyebut dalam kitab beliau, *Bidayatul Mujtahid*:

Contoh daripada Mazhab Maliki adalah darah yang berubah menjadi minyak wangi adalah suci kerana bertukar daripada semua sifat darah kepada sifat serta Ulama yang lain. Ulama Maliki berpendapat:

"Apa yang berubah kepada bagus (solah) maka hukumnya harus. Apa yang berubah menjadi perkara mudarat (fasad) maka hukumnya najis."

Syarat menjadi suci adalah berubah najis itu kepada suatu yang baik, seperti darah yang berubah menjadi minyak wangi. Tetapi jikalau berubah menjadi tidak baik, maka ia tidak menyucikan seperti darah yang berubah menjadi nanah dan sebagainya.

(Sumber: Dirasat Fiqhiah fi Qadaya Tibbiyyah Muasirah.' 444)

Dalil:

- 1 " Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk".
(Surah Al-A'raf, ayat 157)
- 2 Hadith daripada Ibnu Abbas r.a., bahawa beliau mendengar Rasulullah S.A.W. menyatakan:
" Jikalau kulit haiwan (yang halal) disamak, maka ia adalah suci".
(Hadith ini direkodkan oleh Muslim)
- 3 Qias dengan arak yang menjadi cuka secara semulajadi
- 4 Istiqara: Semua makhluk melalui proses istihalah, darah kepada air mani dan kepada manusia, tumbuhan dan baja, ikan dan makanannya, serta lain-lain.

Pendapat kedua, *Istihalah* tidak menyucikan. Ini adalah ijihad Syafie, Abu Yusuf, pendapat Mazhab Maliki yang muktamad dan salah satu pendapat Hambali.

Pertukaran rupa sesuatu benda tidak mengubah hukum najis, kecuali arak yang berubah menjadi cuka secara semula jadi. Konsep *istihalah* ini diterima dalam tiga perkara sahaja:

- i Arak yang menjadi cuka secara tabi'i atau semula jadi
- ii Kulit binatang yang mati selain anjing dan khinzir apabila disamak. Mazhab fuqaha empat tidak mengakui kesucian anjing dan khinzir dengan samak.
- iii Sesuatu yang berubah menjadi haiwan seperti bangkai yang bertukar menjadi ulat, kerana wujudnya kehidupan.

As-Syirazi berkata:

" Tidak akan suci sesuatu najis dengan istihalah kecuali dua, iaitu yang pertama kulit bangkai apabila disamak dan yang kedua adalah arak. Jikalau terbakar najis sehingga menjadi abu ia masih tidak suci kerana najis itu adalah najis "aini".

(Sumber: Al-Muhazzab : 1/10)

Dalil:

- 1 Hadith disampaikan oleh Ibnu Umar r.a. yang berkata:
" Rasulullah S.A.W. menegah daripada memakan daging dan susu haiwan jalalah (haiwan yang sering memakan najis manusia dan kotoran lain)."
(Hadith ini direkodkan oleh At-Tirmizi dan Hakim)
- 2 Hadith disampaikan oleh Ibnu Abbas r.a. yang berkata:
" Rasulullah S.A.W. melarang daripada meminum susu haiwan jalalah (haiwan yang sering makan najis manusia dan kotoran lain)."
(Hadith ini direkodkan oleh At-Tirmizi dan Hakim)

Ini kerana najis tidak suci dengan proses *istihalah*, seperti darah yang bertukar menjadi nanah.

Ciri-ciri Bulu Babi

- Keras (stout bristle hairs).
- bercabang pada bahagian hujungnya (flagged tips).
- Rupa bentuk fizikal iaitu bercabang tiga.
- Kulit babi mempunyai 3 titik yang berlubang, di setiap lubang tersebut terdapat sehelai bulu yang keluar atau tumbuh, salah satu bulu tersebut bercabang 3 pada bahagian hujungnya.



PROGRAM-PROGRAM JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG BULAN JANUARI HINGGA JUN 2016

BAHAGIAN FALAK

- | | | | | | |
|---------------------------|---|---------------------------|---|--------------------------|--|
| 10
JAN. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Cerapan Hilal
Rabiul Akhir 1437H | 27
JAN. 2016 | Masjid Negeri, Pulau Pinang
Bengkel Dalaman Falak
Siri 1/2016 | 29
JAN. 2016 | UiTM Permatang Pau
Pameran Falak Sempena
Hari Kualiti UiTM Pulau Pinang |
| 30
JAN. 2016 | SK Guar Perahu
Pameran Falak Sempena
Hari PIBG Sekolah | 08-09
JAN. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Cerapan Hilal
Jamadil Awal 1437H | 12
FEB. 2016 | Masjid Terapung Tanjung Bungah
Falak On The Street Sempena
Program Sehari |
| 19-20
FEB. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan SK Guar Perahu | 26
FEB. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan Ilmiah USIM | 27
FEB. 2016 | Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
Falak On The Street
Sempena Karnival Sains 2016 |
| 05-06
MAC 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Kem Falak KADUN
Batu Maung | 08
MAC 2016 | Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR
Kuliah Tafaqquh Falak
Siri 1/2016 | 09
MAC 2016 | Masjid Jamek Ar-Rahman Nyior Sebatang
Pameran Falak Sempena Cerapan
Gerhana Matahari Separa |
| 09
MAC 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Cerapan Hilal
Jamadil Akhir 1437H | 11
MAC 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan SK Tunas
Bakti Teluk Air Tawar | 18-19
MAC 2016 | Management & Science University (MSU)
Kem Falak Management &
Science University (MSU) |
| 23
MAC 2016 | Padang Kota Lama
Falak On The Street
Sempena Cerapan
Gerhana Bulan Penumbra | 25
MAC 2016 | Universiti Sains Malaysia
Transkrian, Nibong Tebal
Pameran Falak On The Street
Sempena Program Ilmu Falak
Satu Penerokaan | 26-27
MAC 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan Jabatan
Perumahan SUK |
| 01-02
APR. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan SK Tunas Muda | 07-08
APR. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Cerapan Hilal Rejab 1437H | 14
APR. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan PASTI Kg. Perlis |
| 15-16
APR. 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan SK Tasek Apong | 27
APR. 2016 | Masjid Seberang Jaya
Bengkel Dalaman Falak
Siri 2/2016 | 07-08
MEI 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Lawatan SMK
Taman Inderawasih |
| 07
MEI 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Cerapan Hilal Syaaban
1437H | 07
MEI 2016 | Perpustakaan Desa Kg Jawa
Pameran Falak | 09
MEI 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Transit Utarid |
| 11
MEI 2016 | SK Guar Perahu
Pameran Falak | 20
MEI 2016 | Masjid Titi Teras, Balik Pulau
Pameran Falak | 14
MEI 2016 | Sek. Men. Sains Kepala Batas
Sambutan Hari Astronomi
Peringkat Negeri
Pulau Pinang |
| 03
JUN 2016 | Hotel Seri Malaysia,
Bayan Baru
Mesyuarat Jawatankuasa
Falak Negeri Pulau Pinang | 03
JUN 2016 | Pusat Falak Syeikh Tahir
Majlis Cerapan Rasmi
Hilal Ramadan 1437H | 17-18
JUN 2016 | Masjid At-Takwa
Falak On The Street |

BAHAGIAN FATWA

- | | | | | | |
|------------------------|---|---------------------------|--|-------------------------|---|
| 28
JAN. 2016 | Masjid Abdullah Fahim
Bengkel Bacaan
Kitab Turath Siri 1/2016 | 29
JAN. 2016 | AADK Pulau Pinang
Bicara Mufti Siri 1/2016 | 1-3
FEB. 2016 | Hotel Flamingo
Munaqasyah Teknikal Syariah
Fatwa Siri 2/2016 |
| 04
FEB. 2016 | Jabatan Mufti
Negeri Pulau Pinang
Kuliah Fiqh Muasirah
Siri 1/2016 | 15-16
FEB. 2016 | Hotel Seri Malaysia,
Bayan Baru
Mesyuarat Jawatankuasa
Fatwa Negeri Pulau Pinang
Bil.2/2016. | 24
FEB. 2016 | Pejabat Agama
Daerah SPS
Bengkel Fiqh Manhaji |



26 FEB. 2016	Masjid Abdullah Fahim Bengkel Bacaan Kitab Turath Siri 2/2016	04 MAC 2016	Penjara SPS Bicara Mufti Siri 2/2016	17 MAC 2016	Auditorium Dewan Millenium Kuliah Umum Siri 2/2016
24 MAC 2016	Masjid Abdullah Fahim Bengkel Bacaan Kitab Turath Siri 3/2016	02 APR. 2016	Masjid Abdullah Fahim Program Selamatkan Zuriat Kita	08 APR. 2016	Auditorium MPSP, Perda Kuliah Umum Siri 3/2016
13 APR. 2016	Masjid Daerah SPU Bengkel Bacaan Kitab Turath	15 APR. 2016	Kem Askar Sg Ara Bicara Mufti Siri 3/2016	18 APR. 2016	Masjid Daerah SPS Bengkel Dalam Kitab Fiqh Manhaji
20-21 APR. 2016	Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2016	30 APR. 2016	Masjid Balik Pulau Program Selamatkan Zuriat Kita	12 MEI 2016	Tabung Haji Hotel, Bayan Lepas Seminar Perbankan Islam dan Pengenalan "Sahabat Bank Islam 2016"
20 MEI 2016	Wisma KASTAM, Seberang Jaya Bicara Mufti Siri 4/2016	21 MEI 2016	Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru Seminar Al-Quran 2016/1437H	26 MEI 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Kuliah Fiqh Muasirah
08-09 JUN 2016	Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.3/2016	23 JUN 2016	Masjid Abdullah Fahim Bacaan Kitab Turath		

BAHAGIAN RUJUKAN MAKLUMAT

05 FEB. 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Taklimat & Bengkel ICT Siri 2/2016	23 FEB. 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Taklimat & Bengkel ICT Siri 2/2016	23 FEB. 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bahsul Kitab (Book Review) Siri 1/2016
03-04 MAC 2016	Kolej Universiti Insaniah, Kuala Ketil Taklimat Pengurusan E-Maktabah JMNPP	14-16 MAC 2016	Perpustakaan Negara Malaysia Bengkel Pengurusan Perpustakaan (Penjilidan dan Pemuliharaan)	29-31 MAC 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bengkel Rakaman & Penyuntingan Video
06 APR. 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Taklimat & Bengkel ICT Siri 3/2016	23-24 MEI 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bengkel Penyemakan Bahan-Bahan Terbitan		

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

23 JAN. 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang JKPA / ATAAA 4/2015	04 FEB. 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian Bil 1/2016	02 MAC 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Taklimat Kewangan Bil. 1/2016
06 MAC 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian Bil 2/2016	23 MAC 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Naziran JKN / Kursus Dalam PKPA	25, 27 & 31 MEI 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bengkel Pengurusan Bajet
14 JUN 2016	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian Bil 3/2016				



CADANGAN KADAR PENENTUAN ZAKAT PERTANIAN (PADI)

Zakat Pertanian ialah zakat hasil tanaman yang diusahakan oleh orang Islam sama ada dalam bentuk biji-bijian atau buah-buahan dengan syarat-syarat tertentu. Bagi negeri Pulau Pinang, tanaman utama yang menjadi makanan asasi penduduknya ialah padi. Sifat khusus yang membezakan zakat pertanian dengan zakat-zakat yang lain ialah zakat pertanian merupakan zakat atas hasil sahaja, sedangkan zakat-zakat lain merupakan zakat atas hasil dan modal sekali.

DALIL WAJIB ZAKAT PERTANIAN

Firman Allah SWT yang bermaksud : "Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu..." (surah al-Baqarah : 267)

ZAKAT TANAMAN (PADI)

Syarat wajib bagi zakat pertanian ialah :-

1. Islam
2. Merdeka
3. Sempurna Milik
4. Cukup nisab
5. Tanaman tersebut adalah makanan asasi yang tahan disimpan lama.
6. Tanaman tersebut adalah hasil usaha manusia dan bukannya tumbuh sendiri seperti tumbuh liar, dihanyutkan air dan sebagainya.

KAEDAH PENGIRAAN

Pengiraan zakat pertanian (padi) adalah tertakluk ke atas harga jualan padi, setelah ditolak kos yang dibenarkan. Jika nilai jualan padi pada musim pertama kurang dari nisab, maka hendaklah dicampurkan ke musim kedua di dalam tahun yang sama.

NISAB

363 gantang / 1,300 kilogram / 1.3 tan bersamaan dengan nilai RM 715.00

KADAR ZAKAT

10% ke atas nilai bersih selepas ditolak kos yang dibenarkan seperti kos baja/racun, sewa, upah kerja dan pengangkutan. Penentuan ukuran nisab adalah selepas tolakan kos (sekiranya harga padi selepas ditolak kos operasi kurang dari RM 715.00, maka zakat tidak diwajibkan)

SUBSIDI

Subsidi padi dikira sebagai harta perolehan (al-mal al-mustafad) oleh itu ianya termasuk di dalam pengiraan zakat dengan kadar 2.5% (atas nilai keseluruhan harga subsidi padi).

CONTOH PENGIRAAN

Seorang petani mendapat hasil jualan sebanyak RM1600.00 semusim, manakala subsidi sebanyak RM700

Harga Jualan Padi = RM1,600.00	Anggaran Kos Penolakan =
	1. Kos baja/racun-RM250.00 2. Sewa-RM200.00 3. Upah tenaga kerja/tuaian(mesin)-RM350.00 4. Pengangkutan (lori)-RM50.00 Jumlah Kos Penolakan = RM850.00
Baki (RM 1,600.00 - RM 850.00) = RM750.00	

Kadar zakat ke atas tanaman (padi) RM 750.00 X 10% = RM75.00	Kadar zakat ke atas harga subsidi RM 700.00 X 2.5% = RM17.50
Jumlah perlu bayar zakat RM 75.00 + RM 17.50 = RM 92.50	

CONTOH PENGIRAAN (DUA MUSIM)

Musim Pertama 2005 : Nilai jualan = RM 400.00 (kurang dari nisab)	Musim Kedua 2005 Nilai jualan = RM 450.00 (kurang dari nisab)
Maka, RM400.00 + RM450.00 = RM850.00 (lebih dari nisab) Jumlah perlu bayar : RM 850.00 X 10% = RM 85.00	

* Nota : Jumlah anggaran tolakan di atas tidak ditetapkan kos (Tertakluk kepada cara dan kaedah penggunaan masing-masing)

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan perkara tersebut adalah seperti berikut :

1. Kadar zakat tanaman padi ialah 10 % jika sampai nisab setelah ditolak kos penyelenggaraan pengurusan
2. Pihak Pusat Urus Zakat, MAINPP dipohon supaya menyediakan garis panduan kadar kos penyelenggaraan pengurusan
3. Mengenai subsidi pada jenis tanaman tersebut bahawa dikenakan zakat atas kadar 2.5% sebagai wang *mustafad*. (MAC 2005)



Mesyuarat Jawatankuasa Falak



Taklimat Kewangan



Cerapan Hilal



Pa



Bengkel Videografi



Program Ziarah



Bicara Mufti



Bengkel Penerbitan



Hari Astronomi



Bicara Mufti



Bengkel Penerbitan

Cerapan Bulan Penumbra

Program Selamatkan Zuriat Kita

Penyerahan JMN



Pameran Falak



Kelas Tafaqquh
— Falak



Kuliah Fiqh



Kuliah Tafaqquh Fatwa

LENSA AL-HUDA

Siti Asmah Bt. Abdul Manap
siti.asmah@penang.gov.my



Cerapan Matahari



Seminar Al-Quran



Bengkel
Pemuliharaan
Manuskrip



Pameran Falak



Seminar Perbankan Islam



Fail Meja
PP

Taklimat DKICT

Cerapan Matahari Separa

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

3 Julai 2014

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 2], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

No.530.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 2], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI HUKUM MENGGUNAKAN ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA)
UNTUK MENENTUKAN STATUS NASAB ANAK

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.1/2013 telah membincangkan tentang hukum menggunakan DNA untuk menentukan status nasab anak serta tempoh melaksanakan *li'an* untuk menafikan nasab anak. Mesyuarat telah membuat keputusan berdasarkan hujahan seperti yang berikut :

- a) Setelah meneliti keterangan, hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat menegaskan bahawa Islam sangat menitikberatkan persoalan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan dengan kaedah *li'an* kerana *li'an* telah sabit melalui al-Quran, as-Sunnah dan al-ijma' dan merupakan suatu amalan *taabbuddiah* ;
- b) Mesyuarat juga menjelaskan bahawa *Majma' al-Fiqh al-Islami* yang telah bersidang pada 21-26 Syawal 1422 bersamaan 5-10 Januari 2002 telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, *Majma' al-Fiqh al-Islami* menetapkan bahawa DNA tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apalagi digunakannya mendahului kaedah *li'an*;
- c) Mesyuarat menegaskan bahawa para fuqaha' telah bersepakat bahawa penafian nasab anak melalui kaedah *li'an* perlu dilakukan dengan kadar segera (على الفور) dan jika penafian nasab tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan, maka gugurlah hak penafian nasab tersebut;

- d) Mesyuarat turut menegaskan bahawa merujuk kepada Mazhab Syafie, terdapat dua pandangan iaitu *qaul qadim* dan *qaul jadid*. *Qaul qadim* Imam Syafie menetapkan bahawa penafian hendaklah berlaku sejeurus diketahui kelahiran bayi tersebut. Sekiranya penafian tidak dibuat, bermakna seseorang itu telah mengakui bahawa bayi tersebut adalah anaknya. Namun begitu, dalam *qaul jadid* penafian tidak semestinya secara terus. Ia memerlukan masa sebelum sesuatu keputusan diambil memandangkan ia merupakan satu perkara yang penting. Ia boleh ditangguhkan sehingga tiga hari dan penangguhan hanya boleh berlaku atas sebab keuzuran.
- e) Berdasarkan penegasan dan pandangan para ulama' mengenai tempoh segera bagi melakukan *li'an* untuk menafikan nasab anak. Mesyuarat berpandangan bahawa seseorang yang hendak melakukan *li'an* bagi penafian nasab anaknya perlu mempunyai tempoh waktu yang munasabah sebelum membuat keputusan demi mengelakkan sebarang kemudaratannya yang mungkin berlaku;
- f) Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan *li'an* bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula daripada tarikh isterinya disahkan mengandung sehinggalah tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya; dan
- g) Mesyuarat juga bersetuju memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar *qarinah* atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.

Dibuat 27 Februari 2014

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 2: PUNPP 352/100/1/2/E-A/1 Jld.2]

Dengan Titah Perintah

Hassan

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAI AHMAD

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang

Ganymede

Ganymede merupakan Satelit terbesar di dalam Sistem Suria kita. Ia lebih besar daripada Planet Utarid dan Pluto, dan $\frac{3}{4}$ hampir menyamai saiz Planet Marikh. Seandainya Ganymede tidak mengorbit Planet Jupiter tetapi Matahari, ia akan dengan mudah dikenalpasti sebagai sebuah Planet. Ganymede mempunyai tiga lapisan utama, iaitu sfera besi logam di bahagian pusatnya yang menjana medan magnet, cengkerang batuan sfera (mantel) yang menyelubungi teras, dan cengkerang ais yang menyelaputi batuan mantel dan teras. Lapisan ais di bahagian luar Ganymede amat tebal sehingga mencapai jarak 800km. Ganymede ditemui oleh Galileo Galilei pada 7 Januari 1610 bersama tiga lagi antara Bulan terbesar Jupiter iaitu IO, Europa dan Callisto. Pada tahun 1996, ahli astronomi menerusi Teleskop Angkasa Hubble telah menemui bukti bahawa terdapat lapisan oksigen yang nipis di Ganymede. Namun, lapisan oksigen tersebut terlalu nipis untuk menampung kehidupan sebagaimana di Bumi.

KELEBIHAN MEMBACA SURAH AL-MULK

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda,

“Sebahagian daripada al-Quran ada satu surah yang jumlah ayatnya tiga puluh ayat semuanya, surah ini dapat memberikan pertolongan kepada orang yang membacanya sehingga diampunkan segala dosa-dosanya, surah itu ialah “al-Mulk”.

(Hadith Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi katanya bahawa hadith hasan)

KAEDAH UMUM AL-BALWA DAN KESANNYA KEPADA PERUBAHAN HUKUM SYARAK

Islam merupakan agama rahmat kepada sekalian alam. Hukum-hukum yang ditetapkan dalam Islam adalah bertujuan untuk memenuhi kepentingan hidup manusia dan menjauhkan kemudaratan, termasuk menghilangkan kesulitan dan kesusahan. Firman Allah SWT, Surah Al-Hajj ayat-78 : "Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama". Berdasarkan ayat tersebut, para pakar perundangan Islam menggariskan satu kaedah perundangan iaitu "Apabila berlaku kesulitan, maka perlu diberikan kemudahan atau keringanan". Antara konsep yang berkaitan dengan kaedah tersebut ialah *UMUM AL-BALWA*.

Kaedah *umum al-balwa* mempunyai peranan yang besar dalam proses mengeluarkan ijtihad. Ia merupakan salah satu justifikasi dalam menjelaskan sesuatu *hukum syarak* berkaitan isu semasa. Kaedah *umum al-balwa* sering digunakan oleh para ulama; sama ada dalam disiplin ilmu usul fiqh atau fiqh. Ia dibincangkan dalam kerangka *rukhsah* dan keringanan yang dibenarkan dalam *hukum syarak*. Kebanyakan aplikasi kaedah *umum al-balwa* dalam kitab fiqh dibincangkan berkaitan jenis-jenis najis yang dimaafkan. Ia biasanya dikaitkan dengan ciri sukar dikawal, sukar diasingkan, sukar dijauhi, kebanyakan orang mukallaf sukar mengelakkannya. Manakala *illah* (sebab) keringanan diberikan sama ada berkaitan dengan kesulitan, kesusahan, kerumitan dan sebagainya. (lihat: *Ibn Hazm, al-Muhalla, 1/221, 254; al-Sarakhsi, al-Mabsut, 1/60, 61, 79, 80; Ibn Qudamah, al-Mughni, 1/21, 22, 23, 62; al-Nawawi, al-Majmu', 3/134, 135; al-Dusuqi, Hasyiah al-Dusuqi, 1/71, 73, 75*).

Namun begitu, dalam bahagian fiqh yang lain juga dibincangkan kaedah *umum al-balwa* (*al-Suyuti, al-Ashbah wa al-naza'ir, 164-167*). Kaedah *umum al-balwa* sangat berkait rapat dengan perkembangan semasa pada sesuatu zaman dan tempat. Kepentingan memahami kaedah *umum al-balwa* dan aplikasinya dalam kehidupan seharian menjadi semakin penting dalam dunia sains dan teknologi serba canggih dewasa ini. Oleh itu, kaedah ini perlu difahami dengan sebaiknya, kerana perubahan hukum sesuatu boleh berlaku kesan daripada wujudnya *umum al-balwa*. Menurut Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili, *umum al-balwa* bermaksud, "Berleluasanya sesuatu sehingga seseorang itu sukar untuk menyelamatkan diri daripadanya atau menjauhinya." (*Nazariyah al-darurah al-Syar'iyah, 123*). Dr. 'Amir al-Zibari turut mengemukakan definisi yang sama (*al-Tahrir fi qa'idah al-masyaqqah tajlib al-taysir, 82*).

Manakala menurut Salih Yusuf, *umum al-balwa* bermaksud, "Apa-apa yang diperlukan pada keadaan yang umum, di mana berlakunya perkara tersebut sehingga sukar untuk dielakkan serta susah untuk dikawal dan jika dihalang ia akan menimbulkan kesulitan yang lebih." (*al-Masyaqqah tajlib al-taysir, 232*). Dr. Salih bin 'Abd Allah bin Humayd menjelaskan, "**Umum al-balwa itu merujuk kepada dua ciri:**

- 1) Keperluan untuk sesuatu itu diberikan keringanan dalam keadaan umum, iaitu sukar untuk mengelakkannya dan jika tidak diberi keringanan akan menimbulkan kesulitan yang lebih besar.
- 2) Sesuatu itu sudah tersebar, iaitu seseorang mukallaf sukar untuk mengelakkan diri daripadanya, atau menghilangkannya, serta jika tidak diberi keringanan akan menimbulkan kesulitan yang lebih besar.

Bagi ciri pertama, keringanan perlu diberikan kerana untuk memenuhi keperluan orang mukallaf dan bagi ciri kedua, keringanan perlu diberikan kerana ia sukar untuk dihilangkan." (*Raf' al-haraj, 262*).

Menurut Muslim bin Muhammad bin Majid al-Dusari, *umum al-balwa* bermaksud, "Isu yang berlaku secara menyeluruh ke atas orang mukallaf atau keadaan orang mukallaf yang berkaitan dengan pertanggungjawaban tertentu berkenaan isu tersebut, serta wujud kesukaran menghindarinya atau tidak mampu menghilangkannya melainkan dengan bertambah kesulitan yang memerlukan kemudahan dan keringanan." (*Umum al-balwa : Dirasah nazariyah tatbiqiyah, 61*)

Ciri umum al-balwa (al-Dusari, umum al-balwa : Dirasah nazariyah tatbiqiyah, 62-64):

- 1) Isu yang berlaku secara menyeluruh, sama ada isu berkaitan dengan perbuatan mukallaf seperti kencing, atau berkaitan dengan keadaan mukallaf seperti umur tua dan seumpamanya, atau berkaitan dengan keadaan tertentu yang tidak berkaitan dengan mana-mana tingkah laku mukallaf seperti debu jalan yang bercampur najis binatang terkena baju kerana bawaan angin.
- 2) Isu itu berlaku ke atas setiap individu mukallaf atau kebanyakan mereka, sama ada melibatkan keadaan yang bersifat umum atau khusus untuk keadaan tertentu sahaja. Manakala jika isu tersebut hanya melibatkan keadaan khusus untuk seorang individu sahaja atau sebilangan kecil, maka kaedah *umum al-balwa* tidak boleh diterima pakai untuk isu tersebut.
- 3) Isu tersebut berkaitan dengan pertanggungjawaban (taklif), contohnya asal darah kutu itu najis, tetapi atas alasan *umum al-balwa*, ia menjadi najis yang dimaafkan.
- 4) Isu tersebut sukar untuk dihindari atau ia hanya boleh dihilangkan dengan bertambahnya kesulitan.

Sebab umum yang mempengaruhi hukum kerana umum al-balwa (al-Dusari, umum al-balwa : Dirasah nazariyah tatbiqiyah, 69):

- 1) Isu tersebut sukar dikawal atau wujud halangan untuk mengawalinya yang pada kebanyakan keadaannya seseorang mukallaf tidak mempunyai pilihan. Contohnya, seseorang pejalan kaki sukar untuk mengelakkan daripada debu jalan yang berkemungkinan besar bercampur debu najis daripada terkena pada pakaiannya. Debu tersebut termasuk dalam najis yang dimaafkan, maka sah solat jika pejalan kaki itu bersolat menggunakan pakaian tersebut (*al-Suyuti, al-Ashbah wa al-naza'ir, 164*).
- 2) Isu tersebut sukar dielakkan atau wujud halangan ketika hendak mengelakkan ia daripada berlaku yang pada kebanyakan keadaannya seseorang mukallaf mempunyai pilihan untuk melakukannya atau tidak. Tetapi jika tidak dilakukan perkara tersebut akan bertambah kesulitan. Contohnya kesilapan seseorang mujtahid ketika berjihad, pada asalnya kesilapan itu adalah dosa kerana salah menjelaskan hukum Syarak, namun ia tidak dianggap dosa kerana terdapat *umum al-balwa* dalam kalangan mujtahid iaitu sukar mengelak kesilapan (*rujuk hadis Nabi yang direkod oleh Imam al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, 5/340 hadis no. 2680*).

Contoh berubah hukum kerana umum al-balwa :

- 1) Air liur kucing hukum asalnya ia adalah najis kerana kucing berkemungkinan makan benda najis. Namun, atas dasar *umum al-balwa*, iaitu kucing adalah binatang peliharaan yang hidup di persekitaran hidup manusia, jika dihukumkan bekas jilatan kucing pada bekas air dihukumkan najis, maka ia akan menimbulkan kesulitan kepada hidup masyarakat. Maka hukum air daripada bekas jilatan kucing tidak menjadi najis (*al-Suyuti, al-Ashbah wa al-naza'ir, 164*).
- 2) Hukum asal menerima upah daripada amal soleh adalah haram. Contohnya, haram guru yang mengajar al-Quran daripada menerima gaji, juga gaji imam, bilal, dan sebagainya. Namun atas alasan *umum al-balwa*, iaitu jika hukum itu kekal ia akan menjadikan tugas tersebut diabaikan serta guru al-Quran, imam, bilal dan seumpamanya akan terjejas keperluan hidup mereka, maka berubah hukum kepada harus menerima upah atau gaji (*Ibnu Qudamah, al-Mughni, 8/136*).
- 3) Isu wanita menjadi orang gaji di rumah. Menurut hukum asal, seorang wanita diharamkan keluar rumah melainkan ditemani oleh mahramnya. Begitu juga seorang wanita diharamkan tinggal di rumah yang tiada mahramnya. Namun, pada zaman kini, atas dasar *umum al-balwa*, maka diharuskan seorang wanita menjadi orang gaji di rumah orang lain tanpa ditemani oleh mahramnya, dengan syarat terhindar daripada fitnah (*al-Dusari, Umum al-balwa: Dirasah nazariyah tatbiqiyah, 446*).

Callisto

Bulan Callisto berdiameter melebihi 4,800km dan merupakan Satelit ketiga terbesar dalam Sistem Suria. Saiznya hampir menyamai Planet Utarid. Ia merupakan Bulan yang paling hujung di antara empat Bulan yang mengorbit Jupiter. Callisto dikenali sebagai objek yang paling banyak mempunyai di dalam Sistem Solar dan dianggap sebagai dunia yang telah mati kerana hampir tiada aktiviti geologi di permukaannya. Umur lapisan permukaan Callisto dianggarkan berusia 4 billion tahun dan merupakan lanskap tertua dalam Sistem Solar. Callisto juga mempunyai ketumpatan yang rendah berbanding dengan satelit-satelit lain yang mengorbit Jupiter iaitu 1.86 gram/cubic cm. Bahagian dalamnya terdiri daripada teras berbatu (sama seperti Ganymede) tetapi lebih kecil dan diselaputi mantel ais yang besar. Permukaan Callisto adalah yang paling gelap berbanding bulan Galileo yang lain, namun ianya masih dua kali ganda terang berbanding Bulan Bumi (Moon).

KELEBIHAN MEMBACA SURAH AL-IKHLAS

Daripada Anas RA bahawa seorang lelaki berkata,

"Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku sangat suka kepada surah ini, "(al-ikhlas)" lalu Baginda pun bersabda, "Sesungguhnya kesukaanmu pada surah ini akan memasukkan engkau ke dalam syurga".

(Hadith Riwayat at-Tirmizi katanya hadith hasan)
Dan al-Bukhari juga ada meriwayatkan dalam kitab sahih sebagai taklik.

ALLAHYARHAM DATUK HAJI ADNAN BIN HAJI HASHIM

Allahyarham Datuk Haji Adnan Bin Hashim dilahirkan pada tahun 1905 di Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Beliau mempunyai tujuh orang adik beradik iaitu empat lelaki dan tiga perempuan. Beliau berkahwin dengan Datin Maznah Bte. Mohd. Yunus dan dikurniakan sebelas orang cahaya mata yang terdiri daripada empat lelaki dan tujuh perempuan. Bapanya ialah Haji Hashim bin Haji Md. Shakaff yang juga merupakan bekas seorang alim ulama yang terkenal di Negeri Pulau Pinang dan ibunya pula ialah Katijah Binti Tajudin.

Bapa beliau telah berkhidmat sebagai Kadi dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang selama 52 tahun, sejak tahun 1910, iaitu satu jawatan Kadi yang lama sekali di Pulau Pinang. Dia terkenal dalam kalangan masyarakat kerana ilmu pengetahuannya yang luas bukan sahaja kepada seluruh masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang tetapi juga di negeri-negeri lain. Pada tahun 1949, dia telah dilantik menjadi Pendaftar Nikah Kahwin Orang-orang Islam di Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Di samping itu, beliau juga dilantik menjadi Ahli Majlis Penasihat Ugama Islam Pulau Pinang. Di atas perkhidmatannya yang cemerlang itu, beliau telah dianugerahkan dengan J.P (Jaksa Pendamai) oleh Residen *Commissioner* Pulau Pinang sebelum merdeka, iaitu dalam tahun 20-an. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula, selepas merdeka, iaitu pada tahun 1984 telah menamakan sebatang jalan berdepan dengan rumahnya di No. 433, Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang sebagai Jalan Hashim.

PENDIDIKAN

Allahyarham Datuk Haji Adnan Bin Hashim mendapat pendidikan awal di Sekolah Penaga, Seberang Perai pada tahun 1910 hingga tahun 1916. Beliau kemudiannya menyambung pembelajaran di Pondok Tuan Haji Majid di Permatang Janggus dan Pondok Bukit Indra Muda di Bukit Mertajam sekitar tahun 1917 hingga 1922. Pengajian beliau tidak berhenti di situ sahaja, beliau seterusnya menyambung pengajian ke Madinah dan Mesir untuk mendalami ilmu agama bersama guru-guru yang terkenal di Makkah ketika itu sekitar tahun 1923 hingga tahun 1934.

SUMBANGAN

Allahyarham Datuk Haji Adnan Bin Hashim pernah menjadi ahli 'Sheikul Islam' secara sukarela selama setahun di negeri Kedah. Beliau merupakan tenaga pengajar di Maktab Mahmood, Alor Setar, Kedah pada tahun 1956 hingga bersara pada tahun 1961. Di samping itu, beliau juga turut aktif dalam menyampaikan ilmu agama di masjid-masjid sekitar Kedah dan Pulau Pinang. Beliau dilantik menjadi Mufti pada tahun 1969 dan berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Agama Pulau Pinang selama 11 tahun. Beliau memainkan peranan penting sebagai seorang Mufti, berdasarkan pengalaman beliau pernah membaca doa sempena pembukaan rasmi Masjid Negeri Pulau Pinang oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 17 Syawal 1400H bersamaan 29 Ogos 1980.

ANUGERAH

Di atas pelbagai jasa dan sumbangan yang diberikan oleh Allahyarham, beliau telah dianugerahkan Darjah Johan Negeri (D.J.N) pada 16 Julai 1971 dan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri pada 16 Julai 1978 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Anugerah yang diterima merupakan satu penghargaan terhadap sumbangan beliau yang besar kepada Negeri Pulau Pinang amnya.

Beliau semasa hayatnya telah menghayati semua ajaran-ajaran al-Quran dan menyesuaikan dirinya dengan kehendak ajaran-ajaran Agama Islam. Selaku seorang Mufti, yang disegani oleh seluruh masyarakat Islam amnya dan ulama khususnya, Allahyarham telah menyumbangkan tenaga, minat dan segala usahanya bagi meninggikan lagi syiar Islam di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Pengetahuannya yang begitu mendalam serta pengalamannya yang begitu luas telah membawa pimpinannya ke tahap yang tinggi.

Beliau sentiasa bersopan santun, lemah lembut dan bijak menyesuaikan diri di dalam pelbagai keadaan yang berubah dalam masyarakat majmuk di negeri-negeri ini. Sifat yang nyata sekali ialah kesabarannya di dalam kehidupan seumurnya. Beliau sentiasa mengajar pelbagai bidang agama dengan penuh khusyuk dan tawaduk. Beliau dihormati oleh segenap lapisan rakyat, termasuk dari agama-agama lain. Semua pihak dari peringkat Ketua Negeri ke lapisan bawahan menyanjung tinggi sumbangannya terhadap negeri-negeri ini dan segalanya ini dikenangkan sebagai kenangan abadi lagi manis. Semoga Allah mencururi rahmat di atas rohnyanya dan dimasukkannya ke dalam golongan ahli-ahli syurga.



ANTARA DUA FAJAR

Istilah fajar seringkali disalah tafsir dikalangan masyarakat, ada yang mengatakan, ianya adalah sejenis cahaya bahkan ada pula yang mentafsirkan fajar sebagai objek matahari yang sedang meninggi di sebelah timur. Di dalam Islam, istilah fajar ini amat sinonim dan digunakan dalam hal yang berkaitan dengan penentuan waktu solat. Menurut kamus dewan, fajar adalah cahaya kemerah-merahan di langit sebelah timur sebelum matahari terbit. Malah istilah fajar di dalam kamus berkenaan, turut membezakan *fajar sadiq* dan *fajar kizib*. Malah *fajar sadiq* diistilahkan sebagai fajar yang menunjukkan masuknya waktu subuh. Jesteru itu, pemahaman di dalam membezakan kedua-dua jenis fajar ini penting bagi mengelakkan salah faham terhadap istilah fajar yang digunakan untuk penentuan waktu subuh mahupun waktu imsak. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud :

Dari Abdullah bin 'Umar r.a.,katanya Rasulullah S.A.W bersabda: "Waktu Zohor, apabila matahari telah gelincir hingga bayangan seseorang telah sepanjang badannya, iaitu selama belum datang waktu Asar. Waktu Asar, selama cahaya matahari belum menguning. Waktu solat Maghrib, selama belum hilang mega merah. Waktu solat Isya, hingga seperdua malam. Dan waktu Subuh, sejak terbit fajar hingga terbit matahari. Apabila matahari terbit, berhentilah solat kerana dia terbit antara dua tanduk syaitan

Oleh yang demikian, kejadian *fajar kazib* memberi isyarat bahawa belum masuknya waktu subuh dan dibolehkan kepada orang yang hendak berpuasa untuk makan minum dan sebagainya sepertimana firman Allah S.A.W : "Dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, yaitu fajar." (Surah Al-Baqarah: 187). Rasulullah S.A.W telah memberikan tafsiran ayat ini dalam membezakan sifat dan hukum bagi kedua-dua fenomena fajar ini berdasarkan beberapa hadith baginda S.A.W antaranya:

Dari Sahl bin Sa'd r.a katanya: Ayat: (dan makanlah dan minumlah kamu sehingga jelas bagi mu benang putih daripada benang hitam), ayat itu seperti itu dan belum turun kata-kata "minal fajri". Maka orang yang bermaksud hendak puasa mengikatkan benang putih dan benang hitam di kakinya, dan ia sentiasa makan sehingga jelas kelihatan baginya kedua macam benang itu. Kemudian Allah S.W.T menurunkan firman-Nya: "minal fajri" (yaitu fajar), barulah mereka tahu bahawa yang dimaksud dengan ayat itu ialah malam dan siang."

Selain itu, dalam mentafsirkan ayat tersebut penulis memetik kata-kata Dr. Hamka dalam Tafsir Al-Azhar menjelaskan bahawa tafsiran ayat yang bermaksud: "*Dan makanlah dan minumlah, sehingga berbeza bagi kamu tali putih dari tali hitam dari waktu fajar*" dapat disimpulkan bahawa sebelum berbeza 'tali putih' iaitu bayangan fajar dengan 'tali hitam' ialah gelap malam, bolehlah kamu melakukan kebiasaan hubungan suami isteri, bolehlah makan dan minum sesukamu. Tetapi apabila tali putih, bayangan fajar merah di sebelah timur telah nampak, dan 'tali hitam' (gelap malam) mulai hendak malam, berhentilah dari segalanya itu. Tentang 'tali putih' dan 'tali hitam' ini ada pula satu riwayat yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, bahawasanya sahabat Rasulullah S.A.W yang bernama Adi bin Hatim, putera dari Hatim at-Thai yang terkenal, yang dahulunya menganut agama Nasrani, kemudian datang kepada Rasulullah S.A.W dan memeluk agama Islam. Dia adalah seorang Muslim yang taat dan setia. Demikian setianya memegang maksud ayat tersebut, sehinggakan beliau meletakkan dua potong benang-benang di atas katilnya, sepotong benang putih dan sepotong benang hitam. Sebelum matanya dapat membezakan warna putih dan warna hitam antara benang tersebut, beliau masih masih makan sahur. Setelah jelas perbezaannya kerana fajar telah menyingsing, barulah beliau berhenti makan. Lalu dia datang kepada Rasulullah S.A.W menerangkan tentang perbuatannya itu, berkatalah Rasulullah S.A.W kepadanya sambil tersenyum, katil yang kamu meletakkan kedua benang itu amat luas, wahai Adi. Apa yang dimaksudkan dengan tali putih ialah merah fajar tanda hari telah siang dan tali hitam ialah gelap malam yang telah ditinggalkan.

Hannad menceritakan kepada kami, Mulazim bin 'Amr memberitahukan kepada kami dimana ia berkata: " 'Abdullah bin An-Nu'man menceritakan kepada saya (yang berasal) dari Qais bin Thalq bin 'Ali di mana ia berkata: "Abu Thalq bin 'Ali menceritakan kepada saya (yang berasal) dari Qais bin Thalq bin 'Ali di mana ia berkata: "Abu Thalq bin 'Ali menceritakan kepada saya bahawasanya Rasulullah S.A.W bersabda: "Makanlah

dan minumlah kamu sekalian (sehingga) kamu dikejutkan oleh cahaya yang menjulang; serta makanlah dan minumlah kamu sekalian sehingga warna merah melintang bagi kamu sekalian." Di dalam bab ini terdapat hadis dari 'Adiy bin Hatim; Abu Dzarr dan Samurah. Abu 'Isa berkata: "Dari segi ini, hadis Thalq bin 'Ali adalah hadis hasan gharib. Pengamalan terhadap kandungan hadis ini menurut para ulama' iaitu bahawasanya tidak haram makan dan minum bagi orang yang berpuasa sehingga fajar yang berwarna merah itu nampak melintang (di ufuk timur)." Majoriti ulama' berpendapat itu. Hannad dan Yusuf bin 'Isa memberitahukan kepada kami di mana keduanya berkata: "Waki' memberitahukan kepada kami dari Abu Hilal dari Sawadah bin Handhalah dari Samurah bin Jundub di mana ia berkata: "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Azan (yang dikumandangkan oleh) Bilal dan fajar yang memanjang itu tidak menghalangi kamu dari sahurmu, akan tetapi fajar yang memancar di ufuk (yang menghalangi sahur)." Abu 'Isa berkata: "Hadis ini adalah hadis hasan".

Ibnu Katsir r.a berkata, "Abdurrazzaq berkata, kami diberitahu oleh Juraij bin Atha, dia berkata, "Aku mendengar Ibnu Abbas berkata, 'Ada dua fajar. Fajar yang cahayanya membentang di langit, tidak mengakibatkan penghalalan dan pengharaman apapun (baik makan maupun minum). Akan tetapi fajar yang terlihat terang di puncak gunung, itu yang mengharamkan minuman (bagi yang berpuasa). Atha berkata, Fajar yang membentang di langit dan bentangnya itu akan hilang maka itu tidak diharamkan minuman bagi yang berpuasa tidak juga solat serta masih sah wukuf. Akan tetapi kalau yang menyebar di puncak gunung, diharamkan minuman bagi yang berpuasa dan terlewatkan haji. Sanadnya shahih sampai ke Ibnu Abbas dan Atha. Begitu juga yang diriwayatkan bukan hanya satu dari kalangan ulama salaf rahimahumullah." (Tafsir Ibnu Katsir, 1/516)

Ibnu Qudamah r.a berkata, "Secara umumnya, waktu subuh masuk dengan terbitnya fajar kedua (*fajar sadiq*) berdasarkan ijma para ulama'. Dimana penentuan waktu subuh itu disabitkan dengan (cahaya) putih meluas dan menyebar di ufuk timur serta dinamakan dengan *fajar sadiq*. Jesteru itu, dinamakan subuh itu bermaksud gabungan antara putih dan kemerah-merahan. Manakala fajar yang pertama iaitu *fajar kazib* iaitu (cahaya) putih yang tipis memanjang bukan membentang dan tidak terkait dengan hukum. (Al-Mughni, 1/232). Syekh Ibnu Utsaimin r.a berkata, "Para ulama menyebutkan bahawa antara *fajar sadiq* dan *fajar kazib* terdapat tiga perbezaan;

Pertama: Fajar pertama (*kazib*) yang bersifat memanjang dan tidak membentang yakni memanjang dari timur ke barat. Kedua: fajar awal gelap yang bermaksud cahaya yang muncul dalam waktu yang singkat namun kemudiannya menjadi gelap. Sedangkan fajar kedua (*sadiq*) itu tidak gelap, bahkan cahayanya akan bertambah dan menjadi semakin terang. Ketiga: Fajar kedua (*sadiq*) bersambung dengan ufuk, dalam keadaan antara keduanya tidak ada kegelapan. Sifat ini berbeza dengan fajar yang pertama, di mana ianya terputus dari ufuk.



الفجر الصادق



الفجر الكاذب (نُتِبَ السرحان)

IO

IO kelihatan seperti sebuah piza gergasi dan merupakan kawasan gunung berapi yang paling aktif di dalam Sistem Suria. Jelaga daripada letusan gunung berapinya boleh mencapai sehingga 300km tinggi daripada permukaan. Saiznya sedikit besar daripada Bulan Bumi (Moon) dan ketiga terbesar di antara keempat-empat Bulan Galileo. Walaupun permukaannya sentiasa menghadap ke arah Jupiter semasa mengorbit, Europa dan Ganymede mengganggu pergerakannya sehingga orbitnya menjadi bujur dan jaraknya dengan Jupiter sentiasa berubah. Daya tarikan seperti daya pasang surut ini menyebabkan ia tertarik keluar atau tertolak ke dalam sebanyak 100 meter. Berbanding di Bumi, daya pasang surut terbesar hanyalah setinggi 18 meter sahaja. Kesan pasang surut ini menghasilkan tekanan haba yang sangat banyak di dalam IO, mengekalkan sebahagian kerak di bawah permukaan dalam keadaan cecair yang sentiasa mencari laluan untuk keluar ke permukaan. Oleh sebab itu, permukaan IO sentiasa kelihatan seperti cecair lava di dalam tasik.

KELEBIHAN MEMBACA SURAH AL-KAHFI

Daripada al-Bara' bin 'Azib RA katanya,

"Ada seorang lelaki membaca surah al-Kahfi dan di sisinya seekor kuda yang diikat dengan dua utas tali, kemudian dia nampak awan menaunginya, dan awan itu juga menaungi kudanya, tetapi kudanya lari daripada perlindungan awan itu. Keesokannya lelaki itu pergi berjumpa dengan Nabi SAW lalu menceritakan apa yang telah berlaku kepadanya", Baginda pun bersabda, "Perkara yang berlaku kepada engkau itu adalah al-Sakinah (ketenangan dan rahmat yang disertai dengan para malaikat) yang turun untuk mendengar bacaan ayat-ayat al-Quran".

Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim

SOALAN

Apakah Hukum penggunaan mikro organisme terubahsuai dalam penghasilan Monosodium Glutamat (MSG) ?

Setelah meneliti proses pengubahsuai genetik dan teknologi baru dalam proses penghasilan *Monosodium Glutamat* (MSG) berserta fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Mesyuarat mendapati bahawa bakteria penderma iaitu *Lactic Acid Bacteria* adalah diperolehi daripada "Intestines Of Human Adult" (usus orang dewasa) yang kemudiannya telah dipencilkan serta dipurifikasikan. Berdasarkan proses dan sumber bakteria yang dikemukakan tersebut, Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa 'Penggunaan Mikro Organisme Terubahsuai' iaitu *Lactic Acid Bacteria* yang diperolehi daripada "Intestines Of Human Adult" (usus orang dewasa) dalam teknologi baru penghasilan *Monosodium Glutamat* (MSG) adalah **DIBENARKAN** kerana bakteria yang digunakan tersebut dikategorikan sebagai *mutanajjis* dan ianya telah melalui proses pengasingan dan penyucian yang tidak menyalahi Hukum Syarak.

SOALAN

Bolehkah digabungkan puasa sunat enam hari pada bulan Syawal bersama puasa qada Ramadan?

- HARUS** menggabungkan puasa qada Ramadan dan puasa sunat 6 hari pada bulan Syawal serta diniatkan sekali. Namun jika mampu memisahkannya yakni melakukan puasa secara berasingan itu adalah lebih baik. Apabila berlaku pertembungan antara puasa qada dan puasa enam, kita boleh memilih seperti berikut :
 - Yang terbaik ialah kita menyelesaikan dahulu puasa qada tersebut, kerana mendahulukan yang wajib berbanding yang sunat. Setelah selesai baharulah diikuti dengan puasa sunat enam hari pada bulan Syawal.
 - Jika kita tidak mampu berpuasa kedua-duanya sekali dalam bulan Syawal, harus kita mendahulukan puasa enam di bulan Syawal dan puasa qada dilakukan pada bulan-bulan lain.
 - Jika kita tidak mampu berpuasa kedua-duanya secara berasingan, harus kita meniatkan kedua-duanya dalam satu puasa. Malah sebahagian ulamak berkata; jika seseorang berpuasa dengan niat qada dalam bulan Syawal, ia akan mendapat pahala puasa enam Syawal sekali pun tanpa ia meniatkannya kerana yang diperkira ialah wujudnya sebarang puasa dalam bulan Syawal itu. Namun yang seeloknya meniatkan kedua-duanya sekali. Susunan di atas adalah mengikut keutamaan iaitu yang paling utama ialah pilihan (a), diikuti (b) dan seterusnya (c).
- Syeikh Dr. 'Ali Jum'ah (Mantan Mufti Mesir) dalam buku himpunan fatwanya menjelaskan; "Jika seseorang itu mampu menunaikan puasa qada yang tertanggung atasnya terlebih dahulu kerana berbuka pada bulan Ramadan, kemudian setelah itu ia menunaikan puasa enam, maka itu yang paling baik (afdhal) kerana Rasulullah SAW Bersabda;

دَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى

"Hutang dengan Allah lebih utama untuk ditunaikan". (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Ibnu 'Abbas RA)

Dalam pada itu, harus dihitung puasa enam dari puasa qada yang dilakukan dalam bulan Syawal mengikut pandangan mazhab Syafie. Namun yang paling baik ialah mengasingkan kedua-duanya (yakni dilakukan berasingan) untuk mengelak pertikaian dari pandangan mazhab lain (yang tidak mengharuskannya) di samping dapat memperbanyakkan amal soleh. Dan **HARUS** mendahulukan puasa enam hari dalam bulan Syawal dan menunaikan puasa qada di bulan-bulan yang lain (selepas Syawal) sebelum tiba Ramadan berikutnya".

SOALAN

Apakah hukum mengkasi haiwan peliharaan kucing atas alasan untuk mengelakkan kelahiran anak yang tidak terkawal dan tidak terjaga, mengelakkan kucing jantan menanda kawasan dengan urin (air kencing), mengelakkan kucing merayau dan membawa balik penyakit zoonotic dan menjangkiti manusia, mengelakkan kelakuan buruk (terlalu garang dan lain-lain) serta mengelak dari menjadi punca gangguan kepada jiran tetangga (bising, bau najis, curi lauk dan lain-lain lagi).

Adalah **DIHARUSKAN** dengan sebab-sebab tertentu demi menjaga *maslahah ammah*. *Maslahah ammah* adalah bertujuan mengelakkan daripada binatang itu membawa pelbagai penyakit yang boleh memudaratkan kepada manusia serta menjaga persekitaran awam bagi mengelakkan penyakit daripada penyakit berjangkit. Selain itu, **DIHARUSKAN** mengkasi binatang supaya dapat menghindarkan haiwan peliharaan daripada menjadi garang, kencing merata-rata, beranak-pinak sehingga tidak mampu menjaganya dan terpaksa membuang haiwan tersebut di merata-rata tempat. Memandulkan binatang yang boleh dimakan dagingnya seperti lembu, kerbau, kambing dan sebagainya adalah **HARUS** hukumnya tetapi hendaklah dimandulkan binatang itu semasa kecil untuk menjadikan ia lebih gemuk.

Ahlan Wasahlan

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin mengalu-alukan kemasukan pegawai baru di jabatan ini. Semoga kehadiran beliau akan dapat memantapkan lagi fungsi dan peranan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang khususnya untuk masyarakat Islam di negeri Pulau Pinang.



**MUHAMMAD HANIFF
BIN BADERUN**

BAHAGIAN FALAK

*Kemasukan pada 3 Mei 2016 sebagai
Pegawai Hal Ehwal Islam
di Bahagian Falak (S44)*

Mabruk Alaik

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah terhadap pegawai-pegawai di jabatan ini.



**NOR AZIRA BINTI
MOHAMED @ ABDUL AZIZ**
**BAHAGIAN RUJUKAN
MAKLUMAT**

*yang telah mendapat cahaya mata
pada 7 Mei 2016*



**AZWATI BINTI
ZAINOL ABIDIN**
BAHAGIAN FATWA

*yang telah mendapat cahaya mata
pada 13 Jun 2016*



**MOHD HANIF BIN
OMAR @ WAHAB**
BAHAGIAN FATWA (S48)

*yang telah merangkul ANUGERAH
PERKHIMATAN CEMERLANG (APC)
TAHUN 2015 pada 3 MEI 2016*



**MOHD FERDAUS
BIN HASHIM**
BAHAGIAN FALAK

*yang telah merangkul ANUGERAH
PERKHIMATAN CEMERLANG (APC)
TAHUN 2015 pada 3 MEI 2016*

Europa

Europa adalah Bulan Jupiter yang berais dan saiznya kecil sedikit daripada Bulan Bumi (Moon). Ia mempunyai teras besi dan mantel berbatu manakala permukaannya ialah air masin. Namun, lautan air masin ini terlalu dalam untuk menyelaputi keseluruhannya permukaan Europa. Oleh kerana kedudukannya yang jauh daripada Matahari, lautan air masin itu membeku dan membentuk ais. Europa mengorbit Jupiter dalam masa 3.5 hari dengan fasa yang tetap. Jadi, permukaan yang sama saja akan menghadap Jupiter. Oleh kerana orbit Europa berbentuk bujur, keadaan pasang surut akan berubah apabila ia mendekati dan menjauhi Jupiter sehinggalah pada suatu ketika menjadikan haba Europa menjadi tersangat panas dan menyebabkan rekahan pada permukaan aisnya. Kepanasan cecair di dalam lautan Europa boleh membuktikan sekurangnya kehidupan organisma ringkas dalam laut.

KELEBIHAN SOLAT FARDHU

Daripada Abu Hurairah RA katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda,

"Katanya, andai kata pada pintu seseorang di antara kamu ada sebuah sungai dan ia mandi di situ sebanyak lima kali dalam sehari, apakah masih ada kekotoran yang masih tertinggal di badannya?" para sahabat menjawab, tidak ada kekotoran sedikit pun yang tertinggal di badannya. Baginda bersabda, "Demikianlah bandingan sembahyang lima waktu, dengan mengerjakan semua itu Allah akan menghapuskan semua dosanya dan kesalahannya".

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)